

## **Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Yang Ke-42**

Melalui Radio Dan Televisyen Malaysia 30 Ogos 1999

Pada 31 Ogos tahun ini kita akan merayakan hari kebangsaan kita buat kali terakhir bagi abad dan alaf ini. Penghujung atau permulaan abad atau alaf tidak akan mendatangkan sesuatu yang luar biasa atau mengejutkan hanya kerana ia menjadi satu hari yang istimewa dalam perkiraan masa. Tetapi permulaan sesuatu abad dan alaf amat sesuai bagi kita merenung akan keadaan kita sekarang, akan kecapaian kita di masa lepas dan arah tuju serta matlamat kita di masa hadapan.

2. Kita adalah daripada bangsa dan negara yang biasa dijajah. Selama 450 tahun bahagian-bahagian daripada negeri-negeri Melayu di Semenanjung, Sarawak dan Sabah telah dijajah. Penjajahan amat menghinakan kerana kita tidak dianggap sebagai manusia setaraf oleh penjajah. Mereka memandang kita sebagai orang takluk mereka, orang yang diletak di bawah perintah mereka, orang yang hanya layak menjadi suruhan mereka.

3. Kita tidak berhak ke atas nasib kaum bangsa kita, nasib negara kita. Segalanya ditentukan oleh mereka, oleh mereka yang berada di negara mereka, oleh mereka yang ditugaskan di negara kita. Tiap seorang daripada mereka sama ada tinggi atau rendah pangkatnya lebih berhak dan berkuasa daripada kita di negara kita sendiri. Kita hanya berhak mengikut arahan mereka, sama ada baik atau buruk bagi kita.

4. Mereka adalah 'Tuan' kita dan kita adalah hamba mereka. Tidak ada konsep hak asasi manusia yang diperkatakan oleh mereka. Hak asasi hanyalah untuk mereka dan bukan untuk orang takluk mereka. Tidak ada badan bukan Kerajaan di kalangan mereka yang prihatin dan berjuang untuk hak asasi bagi kita. Kita bukan manusia yang berhak.

5. Kekayaan negara kita juga bukan hak kita. Kekayaan kita hanyalah untuk mereka kaut untuk dibawa ke negara mereka dimana kekayaan itu diguna untuk mendirikan kota-kota yang besar, bangunan yang tersergam indah dan mengkagumkan. Tidak ada siapa yang menegur akan penganiayaan warga jajahan takluk dan pembaziran wang mereka untuk kebesaran negara penjajah.

6. Pembangunan jajahan takluk diadakan juga tetapi ia hanyalah untuk memudahkan penjajah mengeluarkan hasil dan kekayaan negara yang ditakluki. Untuk tujuan ini mereka yang dijajah diberi sedikit latihan supaya mengurangkan kos pentadbiran dan pengeluaran hasil. Maka dibinalah jalan-jalan kecil serta disediakan bekalan air dan elektrik di tempat-tempat tertentu untuk menjadikan kehidupan anggota penjajah lebih selesa.

7. Rakyat wilayah yang dijajah diberi pelajaran yang hanya cukup untuk membantu eksploitasi negara mereka oleh penjajah. Sejarah penjajahan dengan penindasan dan kehinaannya tidak dibukukan dan diajar kepada mereka yang diberi peluang ke sekolah. Dan minda pelajar dikuasai sepenuhnya sehingga

mereka tidak dapat berfikir sendiri melainkan apa yang telah difikir dan diajar oleh penjajah mereka. Demikianlah berkesannya penguasaan pemikiran rakyat yang dijajah sehingga mereka menerima kelebihan penjajah sebagai sesuatu yang tidak boleh dipertikaikan. Segala-gala yang ada atau yang dilakukan oleh penjajah adalah lebih baik daripada apa sahaja hasil usaha atau pemikiran diri sendiri. Di peringkat ini penjajahan sudah menjadi menyeluruh dan terserap ke dalam budaya secara berkekalan. Sebab itu kemerdekaan juga tidak dapat mengikis sepenuhnya budaya kehinaan diri dan keagungan bangsa penjajah di kalangan bangsa yang pernah dijajah. Tabiat mengabdikan kepada pemikiran penjajah biasanya berterusan.

8. Hanya sebilangan kecil sahaja daripada mereka yang dijajah yang menyedari akan kehinaan status mereka dan mencari jalan untuk membebaskan diri. Di negeri-negeri Melayu, jika tidak kerana penjajah Barat ditewaskan oleh Jepun, kepercayaan kepada kebesaran penjajah Barat tetap akan kekal. Kekalahan British membuka mata rakyat negeri-negeri Melayu bahawa penjajah Barat tidak gagah dan cekap seperti yang mereka percayai. Dengan itu kumpulan yang kecil menuntut kebebasan bagi negeri-negeri Melayu.

9. Perjuangan untuk mencapai kemerdekaan bagi negeri-negeri Melayu dan Selat tidak melibatkan peperangan dan korban nyawa oleh puak nasionalis. Ini adalah kerana mereka cekap menyusun politik mereka supaya penjajah tidak mempunyai alasan untuk menolak tuntutan kemerdekaan mereka.

10. Memandangkan British berpendapat jika kemerdekaan diserahkan kepada Raja-Raja Melayu yang berkuasa sebelum Tanah Melayu dijajah, kemungkinan kononnya orang Melayu akan menindas kaum-kaum lain, maka pemimpin-pemimpin Melayu telah menjalinkan kerjasama yang unik dengan orang Cina dan India. Pemimpin-pemimpin ketiga-tiga kaum ini kemudian memilih sistem demokrasi untuk pemerintahan Tanah Melayu yang merdeka. Dengan itu British tidak mempunyai alasan untuk tidak melepaskan Tanah Melayu daripada penjajahan mereka. Peperangan atau pemberontakan tidak perlu bagi kemerdekaan Tanah Melayu kerana kebijaksanaan politik penduduk dan pemimpin-pemimpinnya.

11. Walaupun terdapat beberapa daripada pemimpin Malaysia yang merdeka yang berpengalaman dalam bidang pentadbiran, tetapi mereka tidak pernah diberi tanggungjawab yang penuh oleh pihak British. Mereka hanya memegang jawatan yang rendah. Apabila kemerdekaan dicapai tiba-tiba mereka diberi tanggungjawab yang amat berat iaitu mengambilalih semua jawatan dalam jentera pentadbiran dan pemerintahan sebuah Negara yang merdeka dan demokratik. Kebanyakan daripada pemimpin negara-negara yang mencapai kemerdekaan gagal mengawal nafsu dan mendisiplinkan diri. Mereka menyalahgunakan kuasa dan menghancurkan ekonomi.

12. Tetapi pemimpin Malaysia memberi perhatian yang penuh kepada pengisian kemerdekaan dan pembentukan jentera pentadbiran tempatan yang mampu merealisasikan impian rakyat. Kesalahan dasar pentadbiran penjajah dibetulkan dengan serta-merta. Bukan keselesaan pemimpin yang diutamakan tetapi

pembangunan rakyat yang terpinggir dahulu yang diberi keutamaan. Dengan itu kawasan luar bandar dibekalkan dengan segala kemudahan seperti jalan, klinik, sekolah dan lain-lain.

13. Rakyat yang tidak ada punca pendapatan diberi tanah untuk projek-projek pertanian. Kemudian apabila tidak ada lagi tanah untuk diterokai, industri pembuatan diperkenalkan untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi rakyat yang menganggur.

14. Dari sebuah negara pertanian pemerintahan Malaysia yang merdeka berjaya mengalih kepada negara industri yang memberi bukan sahaja peluang kepada pekerja dan menaikkan pendapatan mereka tetapi juga mencungkil bakat yang sesuai untuk dimajukan sebagai pengusaha kecil, sederhana dan akhirnya pengusaha dan peniaga besar. Mereka ini muncul daripada semua kaum tetapi kaum Bumiputera masih ketinggalan.

15. Memandangkan ketidakseimbangan pembangunan antara kaum, dan dengan pengajaran daripada peristiwa 13 Mei 1969, Kerajaan Malaysia merdeka telah mencipta Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula peranan ekonomi kaum- kaum supaya mereka tidak dipisah kerana jenis kerja mereka dan juga untuk membasmi kemiskinan di kalangan semua kaum.

16. Dasar ini dilaksanakan dengan jayanya walaupun tidak sepenuhnya.

17. Apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) tamat, usaha mengimbangkan pembangunan kaum diteruskan dalam Dasar Pembangunan Negara (DPN). Bijaknya dasar-dasar ini diperlihatkan apabila kegawatan ekonomi berlaku dan kaum Bumiputera tidak merusuh dan menyerang kaum-kaum lain. Sebaliknya semasa kegawatan ekonomi keadaan terus tenang dan ini membolehkan Kerajaan Malaysia membentuk dasar dan pendekatan bagi memulihkan ekonomi, tanpa meminta pertolongan daripada agensi antarabangsa seperti Dana Wang Antarabangsa (IMF) yang sudah tentu akan mensyaratkan supaya dasar-dasar seperti DEB dan DPN digugurkan.

18. Dasar-dasar kita mampu mengatasi masalah perkauman tanpa menjejaskan pembangunan negara. Setelah mengatasi kemelesetan pada tahun-tahun lapan puluhan, ekonomi kita tumbuh dengan pesatnya sepuluh tahun berturut-turut. Ramalan yang dibuat ialah ekonomi akan terus tumbuh pada paras yang tinggi dan Wawasan 2020 akan tercapai. Tidak ada masalah sosial atau politik yang akan mengganggu ketenteraman negara dan pertumbuhan ekonominya.

19. Malangnya pada Julai 1997 pedagang matawang telah menyerang Ringgit kita sehingga nilainya jatuh hampir 100 peratus iaitu pada satu ketika daripada RM2.50 kepada RM4.80 bagi satu Dolar Amerika. Ini bermakna semua barangan import naik harga dan akan disusuli kemudian dengan inflasi yang tinggi.

20. Di masa yang sama serangan dibuat ke atas pasaran saham kita sehingga modal pasaran yang berjumlah RM800 bilion susut menjadi kurang daripada RM300 bilion. Dengan itu syarikat-syarikat dan bank-bank kita hampir bankrap.

Perniagaan tidak dapat diteruskan kerana bank tidak dapat memberi pinjaman dan faedah terlalu tinggi. Jika perniagaan tidak berjalan dan dengan itu keuntungan tidak diperolehi Kerajaan juga tidak akan dapat memungut cukai. Kerajaan tidak akan ada wang yang cukup untuk membiayai kos pentadbiran dan pembangunan.

21. Hanya yang akan dapat dibuat oleh Kerajaan ialah berhutang daripada IMF. Dan jika IMF memberi hutang maka syarat-syarat akan dipaksa ke atas Kerajaan supaya menghapuskan DEB dan DPN serta segala subsidi kepada rakyat. Dengan itu kepincangan yang terdapat sebelum DEB, kepincangan yang menyebabkan rusuhan kaum berlaku pada tahun 1969 akan kembali. Lebih daripada itu ekonomi akan dikuasai sepenuhnya oleh IMF dan kuasa besar yang ada dibelakangnya. Ekonomi negara akan dibuka luas supaya orang asing dengan syarikat dan bank

gergasi mereka akan dapat masuk ke dalam negara dan akan mengambilalih semua perniagaan. Rakyat Malaysia tidak akan memiliki apa-apa perniagaan yang besar dan menguntungkan, tetapi hanya boleh menjadi pekerja dalam syarikat-syarikat asing.

22. Apabila ekonomi sudah dikuasai oleh orang asing, tidak dapat tidak mereka akan campur tangan dan menguasai politik juga. Kita sudah lihat bagaimana di negara-negara dimana mereka menguasai ekonomi, mereka dapat menjatuhkan Kerajaan dan juga menukar sistem Kerajaan. Mereka dan media mereka akan menentukan siapa yang menjadi pemimpin negara. Sudah tentu mereka akan memilih orang yang sedia tunduk kepada mereka, yang sanggup menjadi boneka mereka.

23. Memandangkan akan kemungkinan ini Kerajaan Malaysia tidak bersedia untuk meminjam daripada IMF, walaupun tekanan ke atas matawang dan pasaran saham diteruskan. Kerajaan mengkaji segala kelemahan dan kekuatan negara kita. Seperkara yang menjadi kekuatan utama negara ialah ketenteraman di kalangan rakyat Malaysia dan sokongan kuat yang diberikan oleh majoriti terbesar rakyat kepada Kerajaan.

24. Dengan kekuatan ini Kerajaan dapat mencipta pendekatan yang boleh mengembalikan balik kuasa ke atas matawang Ringgit kita dan ke atas pasaran saham kita supaya tidak lagi dapat dimanipulasikan oleh orang asing.

25. Kawalan nilai matawang dan pengaliran modal oleh Malaysia dikecam hebat oleh hampir seluruh dunia. Pakar-pakar ekonomi dan kewangan serta media asing meramalkan bahawa ekonomi Malaysia akan runtuh dan huru-hara akan berlaku. Kerajaan akan ditumbangkan oleh rakyat dan akhirnya Malaysia akan terpaksa meminta pertolongan IMF dan menerima syarat-syaratnya juga.

26. Malang bagi Malaysia pada saat yang genting ini Timbalan Perdana Menteri terpaksa disingkir apabila didapati moralnya tidak sesuai untuk menjadi pemimpin negara. Ramai sudah Menteri-Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri yang disingkir atau digugur di Malaysia tanpa menimbulkan apa-apa

masalah. Memanglah dalam sistem demokrasi penyingkiran Menteri adalah perkara biasa. Tetapi Dato' Seri Anwar tidak sanggup menerima penyingkirannya. Dengan menuduh bahawa penyingkirannya disebabkan oleh satu pakatan untuk menyekatnya daripada menjadi Perdana Menteri, beliau melancarkan satu kempen politik untuk membela diri dan sekaligus menjatuhkan Kerajaan.

27. Rapat umum secara besar-besaran diadakan di seluruh negara. Walaupun rapat umum ini kerap kali tidak mendapat kebenaran seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, polis tidak menghalangnya.

28. Memandangkan polis tidak melakukan apa-apa kekejaman yang boleh menyebabkan kemarahan rakyat dan kritik daripada media dan negara asing, Dato' Seri Anwar telah menyuruh penyokongnya merusuh di Kuala Lumpur. Walaupun tunjuk perasaan menjadi lebih ganas, pihak polis cuba mengelak daripada menggunakan kekerasan dalam mengawal keselamatan. Tetapi apabila rusuhan menjadi lebih serius, Dato' Seri Anwar terpaksa dimasukkan ke dalam tahanan. Kemudian beliau dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan menyalahgunakan kuasa dan lain-lain.

29. Penyokongnya terus merusuh. Walaupun pada mulanya bilangan perusuh adalah besar dan media asing meramalkan bahawa Kerajaan akan ditumbangkan, ini tidak berlaku. Ketenteraman kembali semula dan Kerajaan dapat menumpukan segala usaha dan tenaga untuk memulihkan ekonomi.

30. Selain daripada kawalan ke atas matawang dan aliran modal, Kerajaan telah mengambil bermacam-macam tindakan untuk menentukan ekonomi dipulihkan dengan segera. Agensi tertentu ditubuh untuk memulihkan hutang bank oleh syarikat dan menambah modal bank, faedah diturunkan dan jumlah wang untuk pinjaman ditambah melalui beberapa peruntukan pengurusan Bank Negara, kempen penjualan hartanah dan barangan diadakan dengan galakan tertentu, pendapatan kakitangan ditambah untuk menaikkan jualan runcit, projek infrastruktur yang telah dihentikan diteruskan semula dan langkah-langkah lain diambil. Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) menyemak semua data ekonomi setiap hari untuk mengetahui kedudukan tiap-tiap sektor dan tindakan-tindakan yang perlu diambil supaya ekonomi pulih.

31. Lebihan dagangan meningkat kerana tumpuan diberi kepada pengurangan import yang tidak perlu dan pertambahan eksport negara. Penggunaan pelabuhan tempatan ditingkatkan supaya proses import dan eksport menyumbang kepada pendapatan negara.

32. Oleh kerana pendekatan yang dicipta sendiri dan usaha-usaha yang dibuat, walaupun dunia tidak fikir kawalan kita akan berhasil; walaupun percubaan dibuat untuk menggugat kestabilan politik; walaupun agensi penarafan menyekat penjualan bon Malaysia di pasaran dunia, namun ekonomi Malaysia dapat dipulihkan juga.

33. Hari ini semakin ramai pakar asing mengakui mereka salah apabila mereka

meramalkan kawalan ke atas matawang dan pengaliran modal akan menghancurkan ekonomi Malaysia. Mereka akui bahawa ekonomi Malaysia sudah pulih dengan kuatnya, lebih kuat daripada negara- negara yang mendapat bantuan daripada agensi antarabangsa dan yang mengikut cara-cara yang dinasihatkan oleh agensi ini.

34. Semasa kegawatan ekonomi, kewangan dan politik melanda kita, kawan dan bukan kawan dapat dikenali. Ada negara yang menolong secara ikhlas tanpa syarat. Ada yang ingin menggunakan masalah kita untuk meraih sesuatu bagi mereka. Ada yang menekan kita apabila kita jatuh.

35. Pengalaman kita semasa kegawatan menjadi pengajaran kepada kita. Dan pengajaran ini akan menolong kita menghadapi cabaran abad ke-21 dan alaf baru.

36. Kita sudah pun masuk zaman teknologi maklumat. Sedikit sebanyak kita sudah kenali perubahan pemikiran, ideologi dan nilai universal yang telah dicipta oleh Barat untuk dunia. Sebenarnya kegawatan yang kita alami adalah sebahagian daripada kesan konsep dunia tanpa sempadan dan globalisasi ciptaan Barat susulan daripada perkembangan teknologi maklumat. Kita tidak lagi dapat bersembunyi di belakang sempadan kita untuk menyelamatkan diri. Tanpa angkatan perang melintasi perbatasan, kita boleh diserang hanya dengan menghantar maklumat dan data melalui sistem komunikasi yang canggih yang telah dicipta.

37. Serangan ke atas matawang kita tidak memerlukan wang tunai kita dibawa keluar untuk dijual. Hanya dengan menekan butang komputer berbilion ringgit boleh mengalir keluar daripada negara untuk dijual dan dibeli, dinaik dan diturun nilainya. Yang bergerak melintasi sempadan hanyalah angka dalam komputer, tetapi mengikut sistem kewangan antarabangsa, gerakan itu adalah ' real' atau benar. Apabila angka bertukar di skrin komputer wang kita bergerak. Jika ia bergerak keluar daripada negara kita, kita jadi miskin iaitu duit dalam bank kita akan berkurangan sehingga sukar dipinjam untuk perniagaan.

38. Apabila duit dalam komputer diniagakan, kita akan rasai kesan daripada perniagaannya. Jika nilainya diturunkan negara kita menjadi lebih miskin, walaupun tidak sesen pun wang tunai yang dibawa keluar dan dijual oleh pedagang matawang. Sempadan sudah tidak menjadi benteng lagi untuk kita lindungi dan pertahankan kewangan serta kekayaan kita.

39. Apabila kita miskin kerana kegiatan pedagang matawang dan pelabur jangka pendek maka kita sebenarnya tertewas sama seperti pasukan pertahanan kita ditewaskan. Kemudian mereka akan memasuki negara kita untuk mengambilalih ekonomi dan menguasai politik kita. Kemerdekaan sudah tidak bermakna lagi.

40. Kuasa asing dan media mereka tetap akan menafikan yang mereka menjajah sesiapa dan ramai daripada kita yang tidak percaya akan diri sendiri akan turut mempercayai mereka. Tetapi tidak ada tafsiran lain yang boleh diberi kepada keadaan dimana ekonomi,

politik dan aspek-aspek kehidupan lain dikuasai oleh kuasa asing selain daripada penjajahan. Apa yang berlaku semasa dan setelah serangan ke atas ekonomi kita dibuat merupakan satu daripada bencana yang sudah datang bersama dengan zaman maklumat dan globalisasi. Jika kita biarkan sahaja tafsiran globalisasi dibuat oleh kuasa Barat, bencana yang lebih buruk akan menimpa kita.

41. Kita adalah sebuah negara yang kecil, negara membangun yang lemah. Tetapi kita telah buktikan bahawa dengan Kerajaan yang disokong kuat oleh majoriti rakyat kita mampu mempertahankan kebebasan kita. Kita telah dapat mengatasi tekanan asing dan memulihkan negara kita.

42. Tetapi percubaan akan dibuat lagi untuk menguasai kita. Falsafah, perkataan dan ide baru akan dicipta oleh mereka untuk melemahkan ketahanan kita. Ramai daripada kita yang akan menerima logiknya ide-ide baru ini dan akan menolong menyebarkannya. Akhirnya sesiapa yang tidak menerima akan dianggap sebagai kolot, tidak dapat menyesuaikan diri dengan peredaran zaman. Sebelum ini berlaku kita harus sedar akan berbagai- bagai kemungkinan dalam abad yang akan datang ini.

43. Globalisasi, dunia tanpa sempadan digambarkan sebagai satu nikmat dan proses yang tidak dapat ditangkis. Kononnya ia akan memperkayakan dunia dan kita juga bersama. Kononnya dunia tanpa sempadan lebih baik daripada kebebasan mengurus negara sendiri.

44. Sementara kita mengakui bahawa teknologi sudah menjadikan dunia ini terlalu kecil untuk dibahagi- bahagikan kepada bangsa-bangsa dan negara-negara yang berasingan, apakah hanya tafsiran globalisasi yang dibuat oleh kuasa besar sahaja yang tepat dan perlu diterima? Apakah globalisasi hanya untuk pergerakan wang dan modal tanpa sekatan? Tidak adakah taksiran lain berkenaan globalisasi? Tidak bolehkah negara kecil dan lemah memberi pendapat akan globalisasi jenis apa yang perlu diterima oleh dunia atau sekurang- kurangnya oleh mereka yang lemah?

45. Malaysia tidak dapat menerima apa sahaja yang dicampakkan kepadanya. Negara berbilang kaum ini mempunyai hak, hak yang sama dengan negara-negara lain di dunia. Kita telah dijajah selama lebih 400 tahun. Kita baru merdeka 42 tahun dan kita tidak rela kebebasan kita dihapuskan walaupun zaman globalisasi sudah tiba. Kita mesti pertahankan kebebasan kita.

46. Rakyat Malaysia akan dapat mempertahankan negara tercinta ini jika kita faham akan bahaya yang kita hadapi dan jika kita menguasai segala ilmu dan kecekapan yang diperlukan. Bukan kekuatan ketenteraan yang akan menyelamatkan kita. Yang akan menyelamatkan kita ialah kesedaran, kebolehan mengenal bentuk serangan yang akan datang dan penguasaan ilmu serta kecekapan dalam bidang-bidang teknologi zaman komunikasi bebas ini.

47. Apabila ide baru diperkenalkan oleh Barat, janganlah kita tergesa-gesa menerimanya. Sejarah mempunyai banyak contoh ide-ide yang disebarkan oleh

Barat untuk kebaikan masyarakat manusia yang kemudiannya digugurkan oleh mereka kerana hasilnya tidak menepati ramalan yang telah dibuat.

48. Ideologi Komunis dan Sosialis adalah antara ciptaan Barat yang telah merosakkan banyak negara yang mengamalkannya. Bukanlah sesuatu yang mustahil jika ide seperti demokrasi, liberal, pasaran bebas, globalisasi akan digugurkan pula. Kita sudah pun melihat keburukan yang datang bersama ide-ide ini. Sebab itu kita bukan sahaja perlu berhati-hati menerima ide dari Barat, tetapi kita sepatutnya mencipta ide kita sendiri dalam usaha memperbaiki kehidupan kita.

49. Janganlah kita memperkecilkan kemampuan kita berfikir, kemampuan kita mencipta ide-ide yang bernas. Sebenarnya kita tidak kurang daripada orang lain, jika pun tidak lebih baik daripada mereka. Sebab itu kita telah memilih slogan ' Malaysia Boleh' bagi memperkuat keyakinan kita terhadap kebolehan diri kita sendiri.

50. Sejak kita terimapakai slogan ini kita telah menunjukkan beberapa kebolehan kita yang luar biasa. Dalam bidang politik kita boleh jalin hubungan kaum yang baik dan keadaan politik yang stabil. Dalam bidang ekonomi kita boleh membangunkan negara kita dengan lebih cepat dan boleh juga menangkis serangan ekonomi oleh orang asing.

51. Rakyat kita boleh mendaki Gunung Everest, terjun di Khutub Utara, berjalan dalam salji ke Khutub Utara dan baru-baru ini Dato' Azhar Mansor telah belayar mengelilingi dunia seorang diri dari barat ke timur, satu rekod dunia.

52. Tanpa mendabik dada, tanpa bermegah-megah kita boleh membangunkan ekonomi negara kita dengan tahap yang tinggi supaya tercapailah Wawasan 2020 untuk menjadikan negara kita Malaysia sebuah negara maju -- Insyaa-Allah.

53. Dalam sejarah biasa terjadi bangsa dan negara yang mundur, tetapi setelah menukar ganti sifat-sifat yang buruk dengan yang baik, dalam jangka masa yang pendek dapat mencapai kemajuan luar biasa. Ingatlah semua negara yang maju sekarang adalah mundur dahulu. Mereka berjaya memajukan negara dan bangsa mereka kerana mereka dapat mengenali apa yang menghalang kemajuan mereka dan mereka menggugurkannya.

54. Kita semua tahu apa yang menghalang kita. Tidaklah perlu dihuraikan di sini semua halangan ini. Yang penting ialah kita sanggup melakukan apa yang diperlukan daripada kita.

55. Permulaan abad dan alaf baru adalah ketika yang sesuai bagi kita merenungkan akan keadaan kita, akan kecapaian kita di masa lepas dan arahnya serta matlamat kita di masa hadapan.

56. Permulaan abad dan alaf baru adalah juga ketika yang sesuai untuk kita semua membuat keputusan untuk menggugurkan segala-gala yang tidak baik yang menghalang kemajuan kita, dan untuk kita mula secara serius mengamalkan apa yang baik yang boleh memajukan kita dan negara kita ini.

57. Insya-Allah dengan membuat resolusi ini apabila kita menyambut tahun, abad dan alaf baru, kita akan jadikan sambutan kita lebih bermakna dan lebih bermanfaat kepada kita.

58. Selamat menyambut Hari Kebangsaan Malaysia yang ke- 42.